



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**ELAUN KHAS BAGI
ASET BERNILAI KECIL**

KETETAPAN UMUM NO. 3/2021

TARIKH PENERBITAN: 21 JULAI 2021



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**ELAUN KHAS
BAGI ASET BERNILAI KECIL**

**Ketetapan Umum No. 3/2021
Tarikh Penerbitan: 21 Julai 2021**

Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi ketiga

Edisi kedua pada 31 Disember 2014

Edisi pertama pada 27 Mac 2008

© 2021 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.

KANDUNGAN	Muka Surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Pengenalan	2
5. Pemakaian Undang-Undang Berkaitan	2
6. Pilihan untuk Menuntut Elaun Khas bagi Aset Bernilai Kecil	2
7. Layanan Cukai Sebelum Tahun Taksiran 2020	3
8. Layanan Cukai Mulai Tahun Taksiran 2020	4
9. Langkah-Langkah Menuntut Elaun Khas	5
10. Layanan Cukai berhubung dengan Elaun Khas untuk Syarikat Kecil dan Sederhana	6
11. Layanan Cukai berhubung dengan Elaun Khas untuk bukan Syarikat Kecil dan Sederhana	8
12. Had Maksimum Tuntutan Elaun Khas untuk Syarikat Kecil dan Sederhana	10
13. Orang yang Tidak Layak Menuntut Elaun Khas	16
14. Sewa Beli Aset Bernilai Kecil	16
15. Pelupusan Aset Bernilai Kecil	16
16. Penyimpanan Rekod	17
17. Kemas Kini dan Pindaan	18
18. Penafian	19

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung dengan peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menerangkan layanan cukai berhubung dengan elaun khas yang dituntut sebagai elaun modal terhadap aset bernilai kecil.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2, subseksyen 2(1) dan (9), perenggan 8(1)(b) dan (c), seksyen 60F, perenggan 10, 15, 19A, 35, 37, 46 dan 61 Jadual 3.

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Bermastautin” bermaksud bermastautin di Malaysia bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran menurut seksyen 8 ACP.
- 3.2 “Kenaan Imbangan” merujuk kepada perbezaan nilai pelupusan sesuatu aset bernilai kecil yang melebihi perbelanjaan bakian pada tarikh pelupusan.
- 3.3 “Kumpulan orang” bermaksud suatu kumpulan orang yang tidak diperbadankan (bukan suatu syarikat) termasuklah suatu Keluarga Sekutu Hindu tetapi tidak termasuk perkongsian.
- 3.4 “Lupus” bermaksud aset bernilai kecil dijual, dibuang atau dimusnahkan atau ia berhenti digunakan untuk tujuan perniagaan.
- 3.5 “Orang” termasuklah suatu syarikat, suatu kumpulan orang, suatu perkongsian liabiliti terhad dan suatu perbadanan tunggal.
- 3.6 “Pengiraan cukai” bermaksud helaian kerja, kenyataan, jadual, perhitungan dan lain-lain dokumen sokongan yang membolehkan penyata cukai pendapatan dibuat, yang perlu diselenggarakan oleh orang yang membuat penyata itu.
- 3.7 “Perbelanjaan loji yang layak” bermaksud perbelanjaan modal yang dilakukan untuk membeli aset bernilai kecil yang digunakan bagi tujuan perniagaan selain daripada aset yang mempunyai jangka hayat kurang daripada dua (2) tahun.
- 3.8 “Punca” bermaksud suatu punca pendapatan.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- 3.9 “Syarikat” bermaksud suatu pertubuhan perbadanan dan termasuklah mana-mana kumpulan orang yang ditubuhkan dengan suatu identiti yang berasingan di sisi undang-undang oleh atau di bawah undang-undang sesuatu wilayah di luar Malaysia dan suatu amanah perniagaan.
- 3.10 “Syarikat berkaitan” berhubung dengan syarikat yang disebut dalam subperenggan 19A(3) Jadual 3 ACP, bermaksud sebuah syarikat yang mempunyai modal berbayar bagi saham biasa melebihi RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas bagi suatu tahun taksiran.

4. Pengenalan

Kadar elaun khas bagi aset bernilai kecil telah diperkenalkan mulai tahun taksiran (TT) 2006. Seseorang layak menuntut elaun khas jika perbelanjaan loji yang layak (PLYL) telah dilakukan ke atas aset tersebut yang digunakan bagi tujuan perniagaan. Mulai TT 2006 sehingga TT 2020, terdapat perubahan dalam nilai aset yang disebut sebagai aset bernilai kecil. Di samping itu, had amaun maksimum PLYL yang boleh dituntut sebagai elaun khas bagi aset bernilai kecil dalam sesuatu TT juga telah dipinda. Walau bagaimanapun, had tersebut hanya terpakai bagi syarikat-syarikat tertentu bergantung kepada modal berbayar bagi saham biasa, pendapatan kasar daripada perniagaan dan pegangan saham secara langsung atau secara tidak langsung bagi syarikat yang berkaitan.

5. Pemakaian Undang-Undang Berkaitan

- 5.1 Perenggan 19A Jadual 3 ACP memperuntukkan kadar elaun khas yang diberikan kepada aset bernilai kecil menggantikan kadar elaun modal biasa yang diperuntukkan di bawah perenggan 10 dan 15 Jadual 3 ACP.
- 5.2 Kadar elaun khas bagi setiap aset bernilai kecil ini adalah 100% yang bersamaan dengan amaun PLYL yang dilakukan ke atas aset bernilai kecil.
- 5.3 Kehendak am berkenaan elaun modal yang diperuntukkan dalam Jadual 3 ACP hendaklah dipatuhi bagi membolehkan seseorang layak menuntut elaun khas di bawah perenggan 19A Jadual 3 ACP.

6. Pilihan untuk Menuntut Elaun Khas bagi Aset Bernilai Kecil

- 6.1 Seseorang diberi pilihan sama ada untuk menuntut elaun khas bagi aset bernilai kecil di bawah perenggan 19A Jadual 3 ACP atau menuntut elaun modal biasa di bawah perenggan 10 dan 15 Jadual 3 ACP.
- 6.2 Walau bagaimanapun, apabila pilihan telah dibuat untuk menuntut elaun modal di bawah perenggan 10 dan 15 Jadual 3 ACP, orang itu hendaklah

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

mengguna pakai secara konsisten peruntukan ACP tersebut sehingga kesemua PLYL diserap sepenuhnya.

- 6.3 Jika seseorang telah menuntut elaun khas bagi aset bernilai kecil di bawah perenggan 19A Jadual 3 ACP, orang itu tidak lagi layak untuk menuntut elaun modal di bawah perenggan 10 dan 15 Jadual 3 ACP berhubung dengan aset tersebut.
- 6.4 Seseorang adalah disifatkan telah membuat pilihan untuk elaun khas bagi aset bernilai kecil jika ia mengira elaun bagi aset bernilai kecil menggunakan kadar elaun khas di bawah perenggan 19A Jadual 3 ACP dalam pengiraan cukainya.

7. Layanan Cukai Sebelum Tahun Taksiran 2020

Subperenggan 19A(1) dan (3) Jadual 3 ACP memperuntukkan nilai bagi setiap aset bernilai kecil dan jumlah maksimum PLYL yang boleh dituntut sebagai elaun khas oleh Syarikat Kecil dan Sederhana (**SKS**) dan **bukan SKS** untuk setiap TT yang berkenaan seperti berikut:

Layanan Cukai \ TT	TT 2006 – TT 2014	TT 2009 – TT 2014	TT 2015 – TT 2019
Nilai bagi setiap aset bernilai kecil boleh dituntut oleh SKS ¹ dan bukan SKS (RM).	Tidak melebihi 1,000		Tidak melebihi 1,300
Jumlah maksimum PLYL bagi elaun khas boleh dituntut oleh SKS ¹ untuk setiap TT (RM).	Terhad 10,000	Tiada had	
Jumlah maksimum PLYL bagi elaun khas boleh dituntut oleh bukan SKS untuk setiap TT (RM).	Terhad 10,000		Terhad 13,000

¹**Nota** : Sebelum TT 2020, **SKS** bagi maksud KU ini adalah sebuah syarikat pemastautin yang memiliki modal berbayar bagi saham biasa tidak melebihi RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas suatu TT.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

8. **Layanan Cukai Mulai Tahun Taksiran 2020**

Berkuat kuasa mulai TT 2020, subperenggan 19A(1) dan (3) Jadual 3 ACP telah dipinda seperti berikut:

- 8.1 Subperenggan 19A(1) Jadual 3 ACP memperuntukkan bahawa –
- (i) nilai bagi setiap aset bernilai kecil adalah **tidak melebihi RM2,000**; dan
 - (ii) tuntutan untuk elaun khas bagi aset bernilai kecil adalah **dihadkan kepada** amaun **maksimum RM20,000 bagi setiap TT**.
- 8.2 Menurut subperenggan 19A(3) Jadual 3 ACP, **SKS**² layak untuk menuntut sepenuhnya elaun khas bagi aset bernilai kecil **tanpa had** jika syarikat adalah sebuah syarikat yang bermastautin dan diperbadankan di Malaysia yang –
- (a) memiliki modal berbayar bagi saham biasa RM2.5 juta dan kurang pada permulaan tempoh asas bagi suatu TT; dan
 - (b) **mempunyai pendapatan kasar yang terdiri daripada punca atau punca-punca perniagaan yang tidak melebihi RM50 juta bagi tempoh asas bagi TT itu**³.

²**Nota** : Mulai TT 2020, bagi maksud KU ini, **SKS** bererti sebuah syarikat yang memenuhi dua kriteria seperti yang dinyatakan di perenggan 8.2 dalam KU ini.

³**Nota** : Untuk penerangan lanjut berhubung **kriteria tambahan** sepertimana yang dinyatakan dalam perenggan 8.2(b) dalam KU ini, sila rujuk kepada Nota Amalan No.4/2020 bertajuk Penjelasan Berhubung Penentuan Pendapatan Kasar daripada Punca Perniagaan Tidak Melebihi RM50 Juta Sesuatu Syarikat atau Perkongsian Liabiliti Terhad, bertarikh 21.12.2020 yang boleh dimuat turun daripada Portal Rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia di www.hasil.gov.my.

- 8.3 Mulai TT 2020, nilai bagi setiap aset bernilai kecil dan jumlah maksimum PLYL yang boleh dituntut sebagai elaun khas oleh **SKS** dan **bukan SKS** boleh diringkaskan seperti berikut:

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Layanan Cukai	TT 2020
Nilai bagi setiap aset bernilai kecil boleh dituntut oleh SKS dan bukan SKS (RM)	Tidak melebihi 2,000
Jumlah maksimum PLYL bagi elaun khas boleh dituntut oleh SKS untuk setiap TT (RM)	Tiada had
Jumlah maksimum PLYL bagi elaun khas boleh dituntut oleh bukan SKS untuk setiap TT (RM)	Terhad 20,000

- 8.4 Bagi maksud perenggan 8.2(b) dalam KU ini, secara umum, pendapatan kasar daripada punca perniagaan bagi satu tempoh asas adalah amaun penuh bagi pendapatan yang terbit daripada punca itu bagi tempoh asas tersebut sebelum apa-apa potongan.
- 8.5 Berhubung dengan kriteria tambahan di perenggan 8.2(b), sesebuah syarikat tidak layak menikmati layanan cukai di bawah subperenggan 19A(3) Jadual 3 ACP jika –
- (i) pendapatan kasar yang diterima dianggap tidak mempunyai pendapatan kasar daripada punca perniagaan seperti syarikat pemegang pelaburan yang tidak tersenarai di Bursa Malaysia. Untuk penerangan lanjut, sila rujuk kepada Contoh 3 dalam KU ini.
 - (ii) tidak mempunyai pendapatan kasar daripada punca perniagaan di bawah perenggan 4(a) ACP tetapi mempunyai pendapatan lain seperti faedah dan sewa di bawah perenggan 4(c) dan (d) ACP; dan
 - (iii) syarikat itu adalah syarikat dorman dan tidak mempunyai pendapatan kasar daripada punca perniagaan.
- 8.6 Jika seseorang telah melakukan PLYL ke atas aset bernilai kecil melebihi RM20,000 dalam sesuatu TT, maka jumlah lebihan PLYL berkaitan dengan aset itu tidak tertakluk kepada kadar elaun khas tetapi akan layak diberi kadar elaun modal biasa yang diperuntukkan di bawah perenggan 10 dan 15 Jadual 3 ACP.

9. Langkah-Langkah Menuntut Elaun Khas

Langkah-langkah yang boleh diikuti bagi memudahkan pemahaman untuk menuntut elaun khas bagi aset bernilai kecil adalah seperti berikut:

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Langkah 1

Kenal pasti nilai bagi setiap aset bernilai kecil adalah tidak melebihi RM2,000 dan tidak diperolehi secara sewa beli.

Langkah 2

Kenal pasti aset bernilai kecil yang tidak termasuk aset yang mempunyai jangka hayat tidak melebihi daripada 2 tahun.

Langkah 3

Menentukan jumlah PLYL bagi aset bernilai kecil yang boleh dituntut seperti berikut:

- (a) Bagi **bukan SKS, terhad** kepada maksimum **RM20,000** bagi setiap TT;
- (b) Bagi **SKS, tidak ada had** bagi setiap TT.

Langkah 4

Menuntut elaun modal biasa di bawah perenggan 10 dan 15 Jadual 3 ACP ke atas –

- (a) aset yang bernilai melebihi RM2,000; dan
- (b) aset yang dikeluarkan untuk memastikan jumlah PLYL tidak melebihi RM20,000 jika syarikat itu bukan SKS.

Langkah 5

Menuntut elaun khas bagi aset bernilai kecil di bawah perenggan 19A Jadual 3 ACP.

10. Layanan Cukai berhubung dengan Elaun Khas untuk Syarikat Kecil dan Sederhana

Subperenggan 19A(3) Jadual 3 ACP memperuntukkan SKS layak menuntut elaun khas bagi aset bernilai kecil tanpa apa-apa had ke atas jumlah PLYL bagi suatu TT. SKS yang layak menuntut elaun khas tersebut hendaklah sebuah syarikat yang bermastautin dan diperbadankan di Malaysia yang memenuhi dua kriteria sepertimana yang dinyatakan dalam perenggan 8.2 dalam KU ini. Walau bagaimanapun, PLYL bagi setiap aset bernilai kecil SKS hendaklah tidak melebihi RM2,000. Sila rujuk kepada perenggan 8.3 dalam KU ini.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Contoh 1

Dalam TT 2021, Smarts Kitchen Sdn Bhd (SKSB) membeli 13 buah aset bernilai kecil dan menggunakannya dalam perniagaan restoran dan kateringnya dalam tempoh asas bagi TT 2021. Jumlah pendapatan kasar daripada kedua-dua punca perniagaan restoran dan katering dalam TT 2021 adalah RM1.5 juta. Pada permulaan tempoh asas bagi TT 2021, SKSB memiliki modal berbayar bagi saham biasa sebanyak RM800,000. SKSB merupakan SKS kerana memenuhi kedua-dua kriteria sepertimana yang dinyatakan dalam perenggan 8.2 dalam KU ini.

SKSB ingin menuntut elaun khas bagi senarai aset berikut untuk TT 2021.

Bil.	Aset	Nilai Aset (RM) [1]	Jumlah PLYL (RM) [2]	Tuntutan Elaun Khas (100%) [3]
(i)	Kabinet pinggan mangkuk	2,000	2,000	2,000
(ii)	Ketuhar gelombang mikro	1,800	1,800	1,800
(iii)	Ketuhar perolakan - 1	1,850	1,850	1,850
(iv)	Ketuhar perolakan - 2	3,000	dikeluarkan	dikeluarkan
(v)	Kerusi – set 1	1,950	1,950	1,950
(vi)	Kerusi – set 1	1,850	1,850	1,850
(vii)	Meja – set 1	2,000	2,000	2,000
(viii)	Meja – set 2	1,900	1,900	1,900
(ix)	Penghawa dingin - 1	2,000	2,000	2,000
(x)	Penghawa dingin - 2	1,900	1,900	1,900
(xi)	Pembersih vakum	1,850	1,850	1,850
(xii)	Pengering pinggan	1,950	1,950	1,950
(xiii)	Set pinggan mangkuk	2,000	dikeluarkan ⁴	dikeluarkan ⁴
JUMLAH ASET		26,050	21,050	21,050

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Langkah 1

Di lajur 1, terdapat satu aset bernilai lebih daripada RM2,000 iaitu ketuhar perolakan – 2. Dikenalpasti juga aset bernilai kecil yang tidak melebihi RM2,000 adalah bukan merupakan aset sewa beli.

Langkah 2

Set pinggan mangkuk⁴ bukan aset bernilai kecil kerana ia mempunyai jangka hayat kurang daripada dua(2) tahun. Maka, set pinggan mangkuk dikeluarkan daripada lajur 2.

⁴**Nota** : Perbelanjaan yang dilakukan terhadap set pinggan mangkuk hendaklah dikendalikan atas asas penggantian. Dalam pemakaian asas penggantian, kos asal atau kos pembelian pertama kali aset itu dibeli tidak dibenarkan sebagai potongan cukai. Jika kos penggantian aset itu untuk pembelian kali kedua, maka dibenarkan sebagai perbelanjaan yang boleh diberi potongan di bawah perenggan 33(1)(c) ACP dalam menentukan pendapatan larasan perniagaan.

Langkah 3

SKSB layak menuntut elaun khas yang bersamaan dengan PLYL yang dilakukan ke atas aset bernilai kecil berjumlah RM21,050 seperti di lajur 2 kerana subperenggan 19A(3) Jadual 3 ACP membenarkan sebuah SKS menuntut elaun khas bagi aset bernilai kecil tanpa had maksimum.

Langkah 4

Menuntut elaun modal biasa di bawah perenggan 10 dan 15 Jadual 3 ACP terhadap aset yang dikeluarkan iaitu ketuhar perolakan – 2 kerana nilai aset melebihi RM2,000. PLYL untuk tuntutan elaun modal biasa bagi ketuhar perolakan – 2 adalah RM3,000.

Langkah 5

Oleh itu, SKSB layak menuntut elaun khas bagi aset bernilai kecil di bawah subperenggan 19A Jadual 3 ACP berjumlah **RM21,050** seperti di lajur 3.

11. Layanan Cukai berhubung dengan Elaun Khas untuk bukan Syarikat Kecil dan Sederhana

Jika sesebuah syarikat tidak memenuhi kriteria sepertimana yang dinyatakan dalam perenggan 8.2 dalam KU ini, syarikat itu tidak layak menuntut elaun khas bagi aset bernilai kecil tanpa had bagi suatu TT. Ini kerana syarikat itu bukan merupakan SKS bagi maksud KU ini. Walau bagaimanapun, **bukan SKS** masih layak menuntut elaun khas bagi aset bernilai kecil tetapi **PLYL dihadkan** kepada amaun maksimum **RM20,000** bagi setiap TT.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Contoh 2

Fakta adalah sama seperti di **Contoh 1** kecuali SKSB adalah bukan SKS. Bagi tujuan tuntutan elaun khas bagi aset bernilai kecil untuk TT 2021, SKSB hendaklah mengenal pasti dan mengambil tindakan berikut:

Langkah 1 dan 2 adalah sama seperti dalam Contoh 1.

Langkah 3

Jumlah PLYL bagi aset bernilai kecil di lajur 2 adalah RM21,050 yang melebihi RM20,000. Maka, SKSB telah memilih ketuhar gelombang mikro bernilai RM1,800 untuk dikeluarkan supaya jumlah tuntutan PLYL tidak melebihi RM20,000.

Langkah 4

Menuntut elaun modal biasa di bawah perenggan 10 dan 15 Jadual 3 ACP terhadap aset yang dikeluarkan seperti berikut:

(i) Ketuhar perolakan - 2	RM3,000
(ii) Ketuhar gelombang mikro	<u>RM1,800</u>
PLYL untuk tuntutan elaun modal biasa	<u>RM4,800</u>

Langkah 5

Menuntut elaun khas bagi aset bernilai kecil di bawah perenggan 19A Jadual 3 ACP.

Jumlah aset bernilai kecil seperti di lajur 2 (Ketuhar perolakan – 2 telah dikeluarkan)	RM21,050
Tolak :	
Ketuhar gelombang mikro	<u>RM1,800</u>
PLYL untuk tuntutan elaun khas	<u>RM19,250</u>

Oleh itu, SKSB layak menuntut elaun khas bagi aset bernilai kecil tetapi **PLYL dihadkan kepada RM19,250** bagi TT 2021.

Contoh 3

Syarikat Wira Sdn Bhd (SWSB) merupakan Syarikat Pemegang Pelaburan (SPP) yang tidak tersenarai di Bursa Malaysia, memiliki modal berbayar bagi saham biasa berjumlah RM2.5 juta dan kurang pada permulaan tempoh asas bagi TT 2021. SWSB

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

mempunyai pendapatan kasar berjumlah RM1.5 juta yang diperolehi daripada faedah, dividen, sewa (bukan perniagaan) dan sewa (perniagaan pemegangan pelaburan). SWSB ingin menuntut elaun khas bagi aset bernilai kecil untuk TT 2021.

Tertakluk kepada seksyen 60F⁵ ACP, SWSB dianggap **tidak mempunyai pendapatan kasar daripada punca perniagaan**. Oleh sebab SWSB tidak memenuhi salah satu kriteria sepertimana yang dinyatakan di perenggan 8.2(b) dalam KU ini, maka SWSB bukan SKS dan tidak layak menuntut elaun khas di bawah subperenggan 19A(3) Jadual 3 ACP bagi aset bernilai kecil dalam tempoh asas bagi TT 2021.

SWSB juga tidak mematuhi kehendak am berkenaan elaun modal yang diperuntukkan di bawah Jadual 3 ACP. Sila rujuk perenggan 5.3 dalam KU ini dan perenggan 10 dalam KU No. 10/2015 yang bertajuk Syarikat Pemegang Pelaburan yang boleh dimuat turun daripada portal rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia di www.hasil.gov.my.

⁵**Nota** : Apa-apa pendapatan yang diperolehi daripada pemegangan pelaburan [faedah, dividen, sewa (bukan perniagaan) dan sewa (perniagaan pemegangan pelaburan)] dianggap sebagai punca bukan perniagaan. Manakala pendapatan selain daripada pendapatan pemegangan pelaburan dianggap sebagai punca pendapatan di bawah perenggan 4(f) ACP. Sila rujuk perenggan 8 dalam KU No. 10/2015 yang bertajuk Syarikat Pemegang Pelaburan yang boleh dimuat turun daripada Portal Rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia di www.hasil.gov.my.


12. Had Maksimum Tuntutan Elaun Khas untuk Syarikat Kecil dan Sederhana

Berkuat kuasa mulai TT 2009, SKS di bawah **subperenggan 19A(4)**, Jadual 3 ACP hanya layak menuntut elaun khas bagi aset bernilai kecil tetapi **terhad** kepada amaun maksimum PLYL berjumlah **RM20,000** sahaja bagi setiap TT.

12.1 SKS yang disebut dalam subperenggan 19A(4) Jadual 3 ACP adalah syarikat yang –


- (a) lebih daripada 50% modal berbayar bagi saham biasa **SKS** itu dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat berkaitan;

Contoh 4




- (i) Oleh kerana, 80% modal berbayar bagi saham biasa SKS itu (Aria Sdn Bhd) dimiliki secara langsung oleh syarikat berkaitan (Swiss Sdn Bhd) adalah melebihi 50%, maka SKS itu layak menuntut elaun khas yang dihadkan kepada amaun maksimum PLYL berjumlah RM20,000 sahaja untuk setiap TT.
 - (ii) Oleh kerana, 72% modal berbayar bagi saham biasa SKS itu (Best Sdn Bhd) dimiliki secara tidak langsung oleh syarikat berkaitan (Swiss Sdn Bhd) adalah melebihi 50%, maka SKS itu layak menuntut elaun khas yang dihadkan kepada amaun maksimum PLYL berjumlah RM20,000 sahaja untuk setiap TT.
- (b) lebih daripada 50% modal berbayar bagi saham biasa syarikat berkaitan dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh **SKS itu**;

Contoh 5



- (i) Oleh kerana, 80% modal berbayar bagi saham biasa syarikat berkaitan (Exora Sdn Bhd) dimiliki secara langsung oleh SKS itu (Dans Sdn Bhd) adalah melebihi 50%, maka SKS itu layak menuntut elaun khas yang dihadkan kepada amaun maksimum PLYL berjumlah RM20,000 sahaja untuk setiap TT.
 - (ii) Oleh kerana, 52% modal berbayar bagi saham biasa syarikat berkaitan (Exora Sdn Bhd) dimiliki secara tidak langsung oleh SKS itu (Care Sdn Bhd) adalah melebihi 50%, maka SKS itu layak menuntut elaun khas yang dihadkan kepada amaun maksimum PLYL berjumlah RM20,000 sahaja untuk setiap TT.
- (c) lebih daripada 50% modal berbayar bagi saham biasa **SKS** itu dan syarikat berkaitannya dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat lain.

Contoh 6



- (i) Oleh kerana, 70% modal berbayar bagi saham biasa syarikat berkaitan (Oktovia Sdn Bhd) dan 80% modal berbayar bagi saham biasa SKS itu (Novel Sdn Bhd), kedua-duanya dimiliki secara langsung oleh syarikat lain (Sem Sdn Bhd) adalah melebihi 50%, maka SKS itu (Novel Sdn Bhd) layak menuntut elaun khas yang dihadkan kepada amaun maksimum PLYL berjumlah RM20,000 sahaja untuk setiap TT.
- (ii) Oleh kerana, 56% modal berbayar bagi saham biasa SKS itu (Disem Sdn Bhd) dimiliki secara tidak langsung oleh syarikat lain (Sem Sdn Bhd) dan 70% modal berbayar bagi saham biasa syarikat berkaitan (Oktovia Sdn Bhd) dimiliki secara langsung oleh syarikat lain (Sem Sdn Bhd), iaitu, kedua-duanya adalah melebihi 50%, maka SKS itu (Disem Sdn Bhd) layak menuntut elaun khas


LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

yang dihadkan kepada amaun maksimum PLYL berjumlah RM20,000 sahaja untuk setiap TT.

- (iii) Oleh kerana, 33.6% modal berbayar bagi saham biasa SKS itu (Siber Sdn Bhd) dimiliki secara tidak langsung oleh syarikat lain (Sem Sdn Bhd) adalah kurang daripada 50%, maka SKS itu (Siber Sdn Bhd) layak menuntut elaun khas tanpa had, walaupun 70% modal berbayar bagi saham biasa syarikat berkaitannya (Oktovia Sdn Bhd) yang dimiliki secara langsung oleh syarikat lain (Sem Sdn Bhd) adalah melebihi 50%.

12.2 Bagi maksud subperenggan 12.1(a), (b) dan (c) dalam KU ini, pemilikan saham biasa secara langsung atau tidak langsung hendaklah ditentukan pada permulaan tempoh asas bagi suatu TT dan sehingga ke peringkat syarikat pemegangan muktamad.

Contoh 7




LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- (i) Molekul Sdn Bhd merupakan syarikat pemegang muktamad bagi syarikat Atom Sdn Bhd, Ion Sdn Bhd dan Zarah Sdn Bhd.
- (ii) Peratusan (%) pemilikan saham biasa oleh Molekul Sdn Bhd sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam syarikat Atom Sdn Bhd, Ion Sdn Bhd dan Zarah Sdn Bhd ditentukan seperti berikut -

SKS	% Pemilikan Saham Biasa oleh Syarikat Molekul Sdn Bhd (Secara Langsung atau Tidak Langsung)	Sama ada SKS layak menuntut Elaun Khas Tanpa Had ke atas Jumlah PLYL
Atom Sdn Bhd	100% - secara langsung	Tidak layak
Ion Sdn Bhd	80% (100% x 80%) – secara tidak langsung	Tidak layak
Zarah Sdn Bhd	48% (100% x 80% x 60%) – secara tidak langsung	Layak

- 12.3 Sekiranya modal berbayar bagi saham biasa suatu SKS dimiliki oleh sebuah entiti yang bukan merupakan syarikat yang diperbadankan, contohnya individu, syarikat tersebut layak menuntut elaun khas bagi aset bernilai kecil tanpa sebarang had walaupun lebih daripada 50% modal berbayar bagi saham biasa syarikat itu dimiliki oleh individu itu.

Contoh 8



SKS itu (Best Sdn Bhd) layak menuntut elaun khas bagi aset bernilai kecil tanpa sebarang had ke atas jumlah PLYL walaupun 60% modal berbayar bagi saham biasanya dimiliki oleh individu H adalah melebihi 50%.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

13. Orang yang Tidak Layak Menuntut Elaun Khas

Seseorang tidak layak menuntut elaun khas ini jika orang itu-

- (a) sebuah amanah perniagaan atau syarikat bermaksud khas yang ditubuhkan bagi maksud penssekuritian berdasarkan aset dalam transaksi penssekuritian yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti; atau
- (b) telah membuat pilihan untuk menuntut elaun modal di bawah perenggan 10 dan 15 Jadual 3 ACP. Sila rujuk kepada perenggan 6 dalam KU ini untuk penerangan lanjut.

14. Sewa Beli Aset Bernilai Kecil

Elaun khas di bawah perenggan 19A Jadual 3 ACP tidak terpakai kepada aset bernilai kecil yang diperolehi secara sewa beli. Seseorang boleh menuntut elaun modal biasa di bawah perenggan 10 dan 15 Jadual 3 ACP berhubung dengan aset bernilai kecil tersebut.

15. Pelupusan Aset Bernilai Kecil

15.1 Kenaan Imbangan

Jika aset bernilai kecil dilupuskan dalam tempoh asas bagi suatu TT dan aset bernilai kecil tersebut telah diberi elaun khas, maka kenaan imbangan boleh dikenakan ke atas aset bernilai kecil tersebut jika nilai pelupusannya melebihi perbelanjaan bakian pada tarikh pelupusan. Ini adalah mengikut peruntukan perenggan 35 Jadual 3 ACP. Amaun kenaan imbangan tidak boleh melebihi jumlah elaun modal yang telah dituntut ke atas aset tersebut sebagaimana yang diperuntukkan di bawah perenggan 37 Jadual 3 ACP.

Contoh 9

Abraham Gym Sdn Bhd (akaun ditutup pada 31 Mei) telah membeli 9 aset bernilai kecil peralatan gimnasium pada 2.2.2019 dan menuntut elaun khas bagi aset bernilai kecil di bawah perenggan 19A Jadual 3 ACP. Jumlah PLYL yang dilakukan bagi 9 aset bernilai kecil untuk tahun taksiran 2019 adalah RM13,000. Pada 15.5.2021, sebuah peralatan gimnasium (aset bernilai kecil) bernilai RM1,300 telah dilupuskan dengan harga RM800.00. Perbelanjaan bakian bagi aset bernilai kecil tersebut pada 31.5.2020 berbaki tiada (0).

Pengiraan kenaan imbangan bagi aset bernilai kecil:

Tahun Taksiran 2019 (1.6.2018 – 31.5.2019)	RM
PLYL	1,300
Tolak:	
Elaun khas (100% x RM1,300)	<u>1,300</u>
Perbelanjaan bakian pada 31.5.2019	0
Tahun Taksiran 2020 (1.6.2019 – 31.5.2020)	
Perbelanjaan bakian pada 31.5.2020	0
Tahun Taksiran 2021 (1.6.2020 – 31.5.2021)	
Harga pelupusan	<u>800</u>
Kenaan imbangan	<u>800</u>

15.2 Aset bernilai kecil yang dihapus kira

Dalam keadaan aset bernilai kecil dihapus kira disebabkan menjadi usang atau rosak dan aset berkenaan tidak dapat diperbaiki atau dijual, nilai pasarannya dianggap sebagai sifar.

16. Penyimpanan Rekod

Pembayar cukai dikehendaki menyimpan rekod yang dapat membezakan di antara aset yang diberi elaun modal di bawah perenggan 10 dan 15 Jadual 3 ACP dengan aset yang diberi elaun khas di bawah perenggan 19A Jadual 3 ACP.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

17. Kemas Kini dan Pindaan

	Pindaan	
<p>KU ini menggantikan KU No. 10/2014 bertarikh 31.12.2014.</p>	<p>Kandungan KU ini telah dipinda dan dikemas kini seperti berikut:</p>	
	Perenggan	Penerangan
	2	Paragraph 2.2 dipinda dan dikemas kini.
	3	<p>Takrifan baharu "Bermastautin", "Kenaan imbangan", "Lupus" dan "Punca" dimasukkan.</p> <p>Takrifan "Perbelanjaan loji yang layak" dipinda.</p>
	4	Perenggan baharu 4 dimasukkan.
	5, 6, 7 dan 8	Perenggan 4 terdahulu dikemas kini dan dinomborkan semula sebagai perenggan 5, 6, 7 dan 8.
	9	Perenggan baharu 9 dimasukkan.
	10	Perenggan 5 terdahulu dikemas kini dan dinomborkan semula sebagai perenggan 10.
	11	Perenggan baharu 11 dimasukkan.
	12	Perenggan 6 terdahulu dikemas kini dan dinomborkan semula

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

		sebagai perenggan 12.
	13	Perenggan 7 terdahulu dinomborkan semula sebagai perenggan 13.
	14	Perenggan 8 terdahulu dinomborkan semula sebagai perenggan 14.
	15	Perenggan 9 terdahulu dikemas kini dan dinomborkan semula sebagai perenggan 15.
	16	Perenggan 10 terdahulu dinomborkan semula sebagai perenggan 16.
	17	Perenggan 11 terdahulu dikemas kini dan dinomborkan semula sebagai perenggan 17.
	18	Perenggan baharu 18 dimasukkan.

18. Penafian

Contoh-contoh dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**